KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	14/10/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	26
JABATAN	:	TNB			

bisnes

Bayar bil TNB, boleh dapat baucar Shopee RM100



MEGAT Jalaluddin

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) melancarkan kempen myTNB Giveaway yang memberi peluang kepada pelanggan TNB untuk menjadi antara 500 pemenang baucar Shopee bernilai RM100.

Kempen ini berlangsung dari 16 September sehingga 31 Oktober 2021 dan terbuka kepada setiap pelanggan yang menghubungkan akaun elektrik kediaman mereka dengan aplikasi atau portal myTNB.

Pemenang bagi kumpulan pertama dihubungi pada awal Oktober 2021 menerusi e-mel yang didaftarkan.

Kumpulan pemenang berikutnya diumumkan pada setiap dua minggu dengan kumpulan terakhir diumumkan pada minggu pertama November 2021.

Senarai pemenang boleh didapati di portal myTNB (www.mytnb.com.my) pada November 2021.

Ketua Pegawai Runcit TNB, Datuk Ir Megat Jalaluddin Megat Hassan berkata, aplikasi myTNB berkembang pesat sejak diperkenalkan pada 2013 apabila sokongan dan maklum balas pelanggan mendorong pihaknya meningkatkan perkhidmatan menjadi lebih baik.

"Usaha ini menyumbang kepada peningkatan penggunaan myTNB daripada 1.4 juta sebelum pandemik kepada 5.3 juta setakat ini.

"Justeru, kami terus berusaha memudahkan urusan pelanggan menerusi inovasi berdasarkan analisis keperluan setiap pelanggan dan kemajuan teknologi dalam memenuhi keperluan pelanggan yang sentiasa berkembang," katanya dalam kenyataan.